

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 07.11.2016

SOALAN :

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan impak dan maklum balas masyarakat terhadap pelaksanaan sistem sekolah tingkatan enam sebagai sokongan modal insan yang berkualiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pendidikan Tingkatan Enam telah melalui proses transformasi melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 di bawah Inisiatif 46B iaitu Pemantapan Pendidikan Tingkatan Enam. Inisiatif ini yang melibatkan lima fokus utama iaitu imej dan anjakan minda, infra dan infostruktur, pengurusan dan pentadbiran, mod pengajaran dan pembelajaran dan kurikulum telah memberikan impak positif selain dapat mengeneipkan persepsi bahawa Tingkatan Enam adalah pilihan kedua. Pendidikan Tingkatan Enam telah menjadi pilihan masyarakat bagi pilihan pendidikan prauniversiti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data enrolmen murid menunjukkan terdapat penurunan sebanyak 1.35 peratus murid yang

meninggalkan Tingkatan Enam selepas mendaftar bagi kohort murid 2014 hingga 2015 berbanding kohort murid 2013 hingga 2014. Hal ini menunjukkan berlakunya tahap keyakinan masyarakat terhadap pendidikan Tingkatan Enam sebagai pilihan laluan ke pendidikan tinggi di samping sebagai saluran pendidikan yang mampu membentuk modal insan berkualiti.

RJM33